



MOD.100-2/1/2 Jld 7 () 11/09

KEMENTERIAN PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ATM DAERAH TEMERLOH

1. **PAHANG, 30 September 2025** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari telah mengadakan lawatan kebajikan dalam siri menyantuni veteran ATM di Daerah Temerloh menerusi Program Peduli Veteran MADANI (PVM). PVM adalah merupakan program Kementerian Pertahanan (MINDEF) melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) yang dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk mendekati golongan veteran ATM secara bersemuka sekaligus mengenal pasti keperluan sebenar serta mendapatkan maklum balas terhadap inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh MINDEF.
2. Seramai 15 veteran ATM yang terdiri daripada 13 orang asnaf dan balu serta dua usahawan veteran disantuni Timbalan Menteri Pertahanan (Timbalan MENHAN) sepanjang sehari program dilaksanakan. Dalam kunjungan kepada usahawan veteran ATM pertama yang mengusahakan ternakan ikan sangkar, Timbalan MENHAN telah menyampaikan **bantuan makanan ikan dan benih anak ikan patin** manakala bagi usahawan veteran ATM kedua yang mengusahakan bengkel membaiki kereta, Timbalan MENHAN telah menyampaikan **bantuan 2 set *impact wrench* bersama dua pengecas bateri**.
3. Dalam program ini juga, Timbalan MENHAN turut menganugerahkan Pingat Jasa Malaysia (PJM), menyampaikan bantuan kesihatan dan peralatan pesakit, bantuan sara hidup dan 100 buah bakul rahmah. Keprihatinan MINDEF menerusi program ini juga dapat diterjemahkan melalui usaha berterusan melalui pelbagai program turun padang bertemu veteran ATM tanpa mengira latar belakang dan demografi.
4. Selain dari penglibatan komuniti veteran, pelaksanaan Program PVM juga turut membabitkan masyarakat setempat yang digarap melalui persefahaman dan kerjasama awam dan swasta sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan kesejahteraan veteran ATM. Oleh itu, PVM telah memperlihatkan penglibatan langsung dari Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) cawangan Pahang, Yayasan Veteran ATM (YVATM), Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) Daerah Temerloh dan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA).
5. Program PVM adalah sebahagian daripada beberapa inisiatif MINDEF terkait golongan veteran ATM. Ia secara langsung menyokong **inisiatif Pelan Strategik MINDEF 2021-2025: Teras 7 – Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM**, Kementerian Pertahanan komited memperkukuh **Strategi Inisiatif 1** – Peningkatan Taraf Sosioekonomi melalui inisiatif Program *Outreach* Veteran ATM khususnya lawatan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti. Usaha memperkasa veteran ATM diperkemaskan lagi melalui inisiatif-

inisiatif di dalam **Amanat Perutusan Tahun Baharu 2025 Menteri Pertahanan: Fokus 4 – Memperkukuh Ekosistem Kesejahteraan Warga Pertahanan.**

6. Turut hadir dalam Program PVM peringkat Negeri Pahang kali ini ialah Penolong Pengarah Bahagian Dasar JHEV ATM; Mejar Muhaizam bin Mustapa Delmi, Pengarah JHEV ATM Cawangan Pahang; Mejar Khairul Azhar bin Md Dahad TUDM dan persatuan-persatuan veteran ATM Negeri Pahang.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 30 September 2025